



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 36 TAHUN 2005

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
PENGAWAS HUTAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G11, G14 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya syarat lantikan dan gaji permulaan kelayakan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan diubah serta syarat kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) sedia ada diperkemas. Perubahan ini selaras dengan pengiktirafan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2006 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan keperluan kemajuan kerjaya pegawai.

SKIM PERKHIDMATAN PENGAWAS HUTAN

3. Syarat lantikan baru ke skim perkhidmatan Pengawas Hutan adalah seperti berikut:-

- (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran serta Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: P1T1); atau
- (ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran serta Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: P1T2).

4. Syarat kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) baru bagi Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) (Pekerja Hutan) dan Pembantu Am Rendah ke skim perkhidmatan Pengawas Hutan adalah seperti berikut:

- (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran serta Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan kerajaan atau Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran serta Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) (i) Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan kerajaan atau Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

5. Skim perkhidmatan Pengawas Hutan yang diubah adalah seperti di [Lampiran A](#). Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugasnya adalah seperti di [Lampiran B](#) dan [C](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di [Lampiran D](#) dan [D1](#).

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G11, G14 yang baru adalah mulai **1 Januari 2006**.

KAEDAH PELAKSANAAN

7. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G11, G14, matagaji permulaan bagi lantikan sebagai Pengawas Hutan Gred G11 ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pengawas Hutan Gred G11 yang dilantik dengan kelayakan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2006 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau mana-mana sekolah latihan perhutanan kerajaan hendaklah ditetapkan di matagaji P1T1: RM544.98; dan
- (b) Pengawas Hutan Gred G11 yang dilantik dengan kelayakan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan yang dikeluarkan pada atau selepas 1 Januari 2006 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia hendaklah ditetapkan di matagaji P1T2: RM575.23.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pengawas Hutan yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006

hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan